



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

MAJIKAN DIDAPATI BERSALAH MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN) 1994 DAN AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

SUNGAI BESAR 14 JUN – Seorang pengarah syarikat Gabungan Aps Holdings Sdn Bhd mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini pada hari ini atas pertuduhan-pertuduhan gagal membayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) amaun cukai yang perlu dipotong dan dibayar daripada saraan pekerja dan gagal mengemukakan Borang E di dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Encik Saian Bin Bakar, 71 tahun, menghadapi 24 pertuduhan di bawah Kaedah 10(1) dan Kaedah 17 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994 (KKCP) yang membawa kepada hukuman denda tidak kurang RM200.00 dan tidak lebih RM2,000.00 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap satu pertuduhan.

Tertuduh turut menghadapi 1 pertuduhan di bawah Seksyen 83(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) iaitu gagal mengemukakan penyata Borang E Tahun Taksiran 2014 di mana jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan denda tidak kurang RM200.00 dan tidak lebih RM20,000.00 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Mengikut pertuduhan di bawah KKCP, tertuduh didakwa telah kurang potong PCB pekerjaanya yang melibatkan jumlah RM6,987.10 bagi bulan April 2012 hingga Disember 2013. Manakala bagi bulan Mac hingga Mei 2015, tertuduh didakwa telah lewat meremitkan potongan PCB pekerjaanya pada atau sebelum hari kelima belas tiap-tiap bulan kalendar bulan-bulan berikutnya.

Majistret **Tuan Abdul Jalil Salam Bin Muhamad** telah memerintahkan tertuduh membayar denda sebanyak RM28,800.00, iaitu RM1,200.00 bagi setiap pertuduhan di bawah KKCP dan boleh dikenakan 12 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda tersebut. Bagi kesalahan gagal mengemukakan Borang E Tahun Taksiran 2014, tertuduh telah diperintahkan untuk membayar denda sebanyak RM5,000.00 dan boleh dikenakan 12 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda.

Mahkamah turut membenarkan suatu Perintah Lanjutan bagi memastikan tertuduh memenuhi tanggungjawabnya sebagai majikan dengan mengemukakan Borang E Tahun Taksiran 2014 dalam tempoh 30 hari dari tarikh Perintah dijatuhkan, jika gagal, tindakan komital akan diteruskan.

Pendakwaan telah dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Norsyamimi Bukhari yang telah memohon untuk suatu hukuman berat dijatuhkan ke atas tertuduh memandangkan kesalahan cukai merupakan suatu kesalahan yang serius di samping mengambilkira rekod kesalahan lampau dan kekerapan kesalahan yang sama dilakukan oleh tertuduh.

Sila layari laman web rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my untuk keterangan lanjut.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat

Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎: 03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan: 1-800-88-5436

Portal Rasmi: www.hasil.gov.my

Tarikh : 24 Jun 2016